

## Memorandum

No. Ruj. : USM.(P).088/11/IV/I Jld.I

Tarikh : 22 Februari 2022

Kepada : Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Penyelaras  
Pusat Pengajian/Pusat/Jabatan/Institut/Unit  
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan

Bangunan Canselori  
(Chancellory Building)  
11800 USM  
Pulau Pinang, Malaysia  
Tel : 04-6533888  
www.usm.my

### HEBAHAN PENGGUNAAN SISTEM PERMOHONAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI (SPPLI) UNTUK PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI (LI) DI KAMPUS INDUK, IPPT DAN KAMPUS KEJURUTERAAN

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa pihak Universiti akan menggunakan **Sistem Permohonan Pelajar Latihan Industri (SPPLI)** sebagai platform untuk permohonan dan menguruskan penempatan pelajar menjalani Latihan Industri (LI) di Kampus Induk, IPPT dan Kampus Kejuruteraan **berkuat kuasa 1 Mac 2022**. Sistem ini dibangunkan pihak Pusat Pengetahuan Komunikasi dan Teknologi (PPKT), Kampus Kesihatan pada tahun 2017 dan telah digunakan untuk pengurusan penempatan pelajar menjalani Latihan Industri (LI) di Kampus Kesihatan mulai tahun 2019.

3. Sistem ini akan berperanan sebagai platform kepada pengurusan latihan industri (*inbound*) bagi pelajar USM dan pelajar luar USM yang ingin **memohon dan menjalani latihan industri di USM** dengan membuat permohonan secara terus dalam talian.

4. Untuk makluman tuan/puan, SPPLI ini boleh diakses dengan menggunakan 'web browser' (pelayan web) seperti *Google Chrome, Mozilla Firefox, Microsoft Edge* dan *Safari*, sama ada melalui atas carian 'sppli usm' atau terus ke alamat web SPPLI iaitu di [sppli.usm.my](http://sppli.usm.my).

5. Sehubungan itu, Bahagian ini ingin memohon perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan untuk memanjangkan maklumat penggunaan SPPLI ini kepada pelajar dan Penyelaras Latihan Industri di Pusat Tanggungjawab (PTJ) masing-masing. Bersama ini disertakan Infografik Carta Alir SPPLI untuk makluman/perhatian/rujukan pihak tuan/puan.

6. Sebarang pertanyaan lanjut mengenai perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai-pegawai berikut, mengikut kampus :-

- **Puan Norazlinda Muda** (Ketua Unit),
  - Pegawai Psikologi, Unit Perhubungan Staf, BSM, Jabatan Pendaftar, Kampus Induk melalui emel ; [m.azlinda@usm.my](mailto:m.azlinda@usm.my) atau di talian 04-653 6096/6100.
  - Bagi permohonan penempatan LI di Kampus Induk dan IPPT.
- **Encik Mohd Jalaludin Azizan**
  - Ketua Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan melalui emel ; [jalaludin@usm.my](mailto:jalaludin@usm.my) atau di talian 04-599 5010/5011.
  - Bagi permohonan penempatan LI di Kampus Kejuruteraan.

...2/-

**HEBAHAN PENGGUNAAN SISTEM PERMOHONAN PELAJAR LATIHAN INDUSTRI (SPPLI)  
UNTUK PENEMPATAN LATIHAN INDUSTRI (LI) DI KAMPUS INDUK, IPPT DAN KAMPUS  
KEJURUTERAAN**

---

7. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)**

Timbalan Pendaftar Kanan  
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Pendaftar

Pengarah  
Kampus Kejuruteraan / Kampus Kesihatan

Pengarah, IPPT

Timbalan Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kesihatan

Ketua Penolong Pendaftar, Jabatan Pendaftar, Kampus Kejuruteraan

Ketua Penolong Pendaftar, Seksyen Pengurusan, IPPT